

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1984**

=====

DASAR PEMBERIMILIKAN TANAH KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk membawa kepada pengetahuan Pemungut-pemungut Hasil Tanah di Negeri Selangor mengenai keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan perkara tersebut di atas.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam Mesyuaratnya pada 16hb. Oktober 1984 telah meluluskan dasar pemberimilikan kepada Kerajaan Persekutuan seperti berikut :-

2.1 PREMIUM

(A) Pemberimilikan Tanah Kerajaan

Ditetapkan kadar premium sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Tanah Negara iaitu :-

<u>Jenis kegunaan</u>	<u>Kadar Premium</u>
(a) Untuk kegunaan yang memberi faedah secara langsung kepada Negeri seperti hospital, sekolah dan lain-lain kegunaan yang disenaraikan dalam lampiran 'B1'	RM10.00 selot
(b) Untuk kegunaan yang memberi faedah secara langsung kepada Negeri dan Persekutuan, seperti Balai Polis dan kegunaan-kegunaan lain sebagaimana yang disenaraikan di lampiran 'B2'	$\frac{1}{2}$ harga pasaran
(c) Untuk kegunaan perdagangan atau yang memberi faedah secara langsung kepada Kerajaan Persekutuan seperti Pos, Talikom dan lain-lain kegunaan sebagaimana yang disenaraikan di lampiran 'B3'	Harga pasaran

(B) Pemberimilikan bagi tanah yang diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960

- (a) Jika pampasan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan RM 10.00 selot (Nominal)
- (b) Jika pampasan dibayar oleh Kerajaan Negeri :
 - (i) Untuk kegunaan yang memberi faedah secara langsung kepada Kerajaan Negeri dan kegunaan yang memberi faedah bersama kepada Negeri dan Persekutuan. Harga pampasan
 - (ii) Untuk kegunaan perdagangan atau yang memberi faedah secara langsung kepada Kerajaan Persekutuan. Harga pasaran

2.2 CUKAI

(a) Penggunaan tanah yang memberi faedah secara langsung kepada Kerajaan Negeri (Lampiran 'B1')

- (i) Tanah Bandar Satu (1) sen sekaki persegi tertakluk kepada sekurang-kurangnya RM60.00 bagi satu hakmilik.
- (ii) Tanah Pekan Setengah (1/2) sen sekaki persegi tertakluk kepada sekurang-kurangnya RM60.00 bagi satu hakmilik.
- (iii) Tanah Desa RM100.00 seekar atau sebahagian daripadanya.

(b) Penggunaan tanah yang memberi faedah bersama kepada Kerajaan Persekutuan (Lampiran 'B2').

- | | | |
|-------|--------------|---|
| (i) | Tanah Bandar | Dua (2) sen sekaki persegi tertakluk kepada sekurang-kurangnya RM60.00 bagi satu hakmilik. |
| (ii) | Tanah Pekan | Satu (1) sen sekaki persegi tertakluk kepada sekurang-kurangnya RM60.00 bagi satu hakmilik. |
| (iii) | Tanah Desa | RM150.00 seekar atau sebahagian daripadanya. |

(c) Penggunaan untuk perdagangan atau yang memberi faedah secara langsung kepada Kerajaan Persekutuan (Lampiran 'B3').

Mengikut kadar cukai tanah perniagaan dalam arahan Perubahan Cukai Sel. P. U. 29 bertarikh 8hb. Disember 1983 tertakluk kepada sekurang-kurangnya RM60.00 bagi satu hakmilik.

2.3 SYARAT NYATA

Bersesuaian dengan Artikul B3 (2) Perlembagaan Persekutuan tiada sebarang syarat nyata dikenakan kepada tanah-tanah yang diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan.

2.4 SEKATAN KEPENTINGAN

Oleh kerana tanah-tanah yang diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan sudah tertakluk kepada Artikul B4 dan Artikul 86 Perlembagaan Persekutuan, tidak ada sebarang sekatan kepentingan lain dikenakan ke atas tanah-tanah ini.

2.5 Syarat-syarat pemberimilikan ini adalah bagi tanah-tanah yang diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan di atas nama **'PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN'** dan **'MENTERI KEWANGAN MALAYSIA'** atau di atas nama mana-mana Pihak Berkuasa Awam Persekutuan sebagaimana yang diminta oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Artikul 83(1) Perlembagaan Persekutuan

**PENJELASAN KEGUNAAN BAGI TANAH YANG
DIBERIMILIK KEPADA KERAJAAN PUSAT**

=====

**KEGUNAAN YANG MEMBERI FAEDAH SECARA LANGSUNG
KEPADA NEGERI**

BIL	KEMENTERIAN	PENGUNAAN
1.	PELAJARAN	1.1 Sekolah / Maktab 1.2 Asrama 1.3 Rumah-rumah baru 1.4 Padang Permainan 1.5 Jalan Masuk ke Sekolah 1.6 Pejabat Pelajaran 1.7 Pusat Sumber Pelajaran
2.	KESIHATAN	2.1 Hospital 2.2 Klinik / Pusat Kesihatan 2.3 Gedung-gedung ubat 2.4 Rumah-rumah Pegawai dan Kakitangan Perubatan (Quarters) 2.5 Asrama-asrama 2.6 Pejabat Kesihatan
3.	PERTANIAN	3.1 Akuarium 3.2 Pelabuhan Perikanan 3.3 Rumah Persinggahan Nelayan 3.4 Bangunan Koperasi Nelayan 3.5 Pusat Kemajuan Masyarakat 3.6 Pusat Penyiasatan Haiwan 3.7 Pusat Karantina 3.8 Pejabat Perikanan Kilang Memproses barang-barang haiwan 3.9 Kilang Memproses barang-barang haiwan 3.10 Rumah Kelas Perikanan 3.11 Tapak Pembiakan Ikan 3.12 Rumah atau Pusat Persembelihan 3.13 Pusat Perkembangan Pertanian 3.14 Pejabat Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu dan Rumah kakitangan 3.15 Pejabat-pejabat Pari dan Taliair (Persekutuan iaitu yang menjalankan kerja-kerja Parit dan Taliair Persekutuan) 3.16 Pusat Kemajuan Peladang 3.17 Pusat Mekanisasi Peladang

BIL	KEMENTERIAN	PENGUNAAN
		3.18 Parit dan Taliair di butiran berhubung dengannya 3.19 Pusat-pusat Latihan 3.20 Pusat Sedia Benih 3.21 Unit Pertanian Kecil (Small Agricultural Unit)
4.	KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN	4.1 Pusat Perbagai guna 4.2 Tapian Gelanggang Negeri 4.3 Perpustakaan
5.	JABATAN PERDANA MENTERI	5.1 Biro Bantuan Guaman 5.2 Jabatan Pemegang Amanah Raya
6.	PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	6.1 Pejabat dan Balai Bomba 6.2 Jabatan Perancang Bandar dan Desa
7.	KEBAJIKAN MASYARAKAT	7.1 Pejabat Kebajikan Masyarakat 7.2 Rumah Orang Tua
8.	BURUH DAN TENAGA	8.1 Jabatan Buruh dan Tenaga Rakyat 8.2 Pusat Latihan Perusahaan 8.3 Jabatan Kilang dan Jentera 8.4 Jabatan Pertubuhan Keselamatan Sosial 8.5 Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja 8.6 Jabatan Perhubungan Perusahaan 8.7 Mahkamah Perusahaan 8.8 Rumah Orang Tua India Selatan
9.	JABATAN PERDANA MENTERI	9.1 Tapak Institut Pentadbiran Awam Negara 9.2 Rumah Masjisteret 9.3 Jabatan Pemegang Harta 9.4 Pejabat Badan Pecegah Rasuah 9.5 Jabatan Perangkaan

BIL	KEMENTERIAN	PENGUNAAN
10.	RUMAH DAN KERAJAAN TEMPATAN	10.1 Jabatan Perumahan Negara 10.2 Jabatan Percetakan Negara 10.3 Pusat Latihan Bomba 10.4 Pejabat Pertahanan / Awam
11.	PERUSAHAAN UTAMA	11.1 Jabatan Galian 11.2 Jabatan Penyiasatan Kajibumi 11.3 Institut Penyelidikan Perhutanan 11.4 Pusat Penyelidikan 11.5 Jabatan Perhutanan
12.	PELAJARAN	12.1 Pusat Latihan Guru 12.2 Maktab Perguruan 12.3 Politeknik 12.4 Kompleks Sukan dan Sekolah Sukan 12.5 Stor Pusat 12.6 Pusat Perkembangan Kurikulum 12.7 Lembaga Peperiksaan 12.8 Institut Latihan Pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran (MESTI)
13.	KESIHATAN	13.1 Pusat Latihan
14.	PENGANGKUTAN	14.1 Tapak Directional Beacon 14.2 Jabatan Laut 14.3 Bairup Radio 14.4 Balai Kajicuaca
15.	KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN	15.1 Pusat Latihan Belia 15.2 Pusat dan Tapak Sukan dan Kebudayaan 15.3 Stadium 15.4 Khemah Belia 15.5 Muzium 15.6 Arkib
16.	SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR	16.1 Pusat-pusat Penyelidikan 16.2 S.I.R.I.M